

## **Notis Privasi Dan Perlindungan Data Peribadi Bagi Kumpulan Kobay**

Notis ini disediakan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kumpulan Kobay (Kobay Technology Bhd. dan anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan dengannya) komited untuk mengendalikan maklumat peribadi anda dengan cara cermat dan terjamin dalam proses pengumpulan data melalui borang-borang dalam format bercetak atau elektronik ataupun pelbagai cara yang tertakluk dalam Akta tersebut. Kami akan memaklumkan anda tujuan-tujuan, cara pemprosesan, hak untuk mengakses atau keengganahan tidak membekalkan maklumat peribadi dalam Notis ini. Kami juga akan memproses data yang dikumpul dari anda dalam perkhidmatan atau transaksi seterusnya.

### **1) Maklumat Peribadi**

#### 1.1 Jenis maklumat peribadi

Maklumat peribadi bermakna sebarang maklumat yang berkaitan dengan anda yang dikumpul atau dibekalkan kepada Kumpulan Kobay bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen di bawah. Maklumat peribadi anda boleh termasuk nama anda, nombor NRIC, etnik/kewarganegaraan, tarikh kelahiran, informasi perubatan, butir-butir perhubungan, butir-butir kewangan dan akaun bank, gambar, CCTV/perakaman keselamatan dan penjejakan lokasi/ maklumat GPS dsb.

#### 1.2 Sumber maklumat peribadi

##### 1.2.1 Pekerja/Pelanggan atau bakal pekerja/pelanggan:

Kumpulan Kobay mengumpul maklumat peribadi secara langsung daripada anda atau secara tidak langsung daripada wakil-wakil anda di sisi undang-undang, agen-agen (contohnya agen-agen pelancongan, agensi kerajaan) dan/atau majikan apabila anda, wakil-wakil anda di sisi undang-undang, agen-agen dan/atau majikan anda menghantar borang-borang pertanyaan, pemohonan dan/atau pendaftaran yang telah siap diisi melalui pelbagai cara, termasuk salinan secara online dan fizikal di tempat-tempat awam atau di premis kami. Maklumat peribadi anda juga boleh dikumpul daripada cookies melalui penggunaan laman web kami.

##### 1.2.2 Penjual, pembekal, penyewa atau penyedia perkhidmatan:

Kumpulan Kobay mengumpul maklumat peribadi anda secara langsung daripada anda atau secara tidak langsung daripada majikan atau syarikat induk, agensi rujukan kredit apabila menawar cadangan/sebut harga, tender untuk projek-projek, apabila anda menghantar kami borang-borang pertanyaan dan/atau pemohonan kredit yang telah siap diisi melalui pelbagai cara, termasuk secara online dan fizikal. Maklumat peribadi anda juga boleh dikumpul daripada cookies melalui penggunaan laman web kami.

### **1.2.3 Persetujuan pihak ketiga:**

Sekiranya anda telah membekalkan data peribadi pihak ketiga (contohnya, orang hubungan kecemasan anda, penyewa, wakil-wakil yang diberikan kuasa, kontraktor, peguam, ahli kewangan) kepada kami, kami bergantung kepada anda untuk memperoleh dengan secukupnya terlebih dahulu persetujuan pihak ketiga tersebut untuk membolehkan kami memproses data peribadi mereka berkenaan tujuan tersebut.

### **1.3 Maklumat peribadi wajib**

Semua maklumat yang diminta dalam borang-borang yang berkaitan adalah wajib untuk anda bekalkan melainkan dinyatakan sebaliknya. Sekiranya anda gagal untuk membekalkan maklumat wajib, kami tidak akan dapat memproses permintaan anda dan/atau membekal perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan kepada anda.

## **2) Tujuan-tujuan pengumpulan dan pemprosesan lanjut (termasuk pendedahan) maklumat peribadi anda:-**

### **2.2.1 Pekerja/Pelanggan atau bakal pekerja/pelanggan:**

Maklumat peribadi anda dikumpul dan diproses selanjutnya oleh Kumpulan Kobay seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang dan untuk melaksanakan transaksi komersial yang diminta, termasuk yang berikut:

- untuk memproses perkhidmatan-perkhidmatan yang diminta;
- untuk memproses pemohonan kerja atau pertanyaan mengenai produk dan/atau perkhidmatan kami;
- untuk membolehkan penglibatan anda dalam mana-mana pertandingan atau acara;
- untuk mengendali dan berkomunikasi dengan anda berkenaan dengan permohonan, perkhidmatan-perkhidmatan dan/atau acara-acara kami;
- untuk memproses mana-mana bayaran yang berkenaan dengan perkhidmatan yang anda minta;
- untuk tujuan-tujuan insurans;
- untuk makluman kepada badan-badan berkanun yang terlibat;
- untuk memohon visa-visa perjalanan dalam keadaan perjalanan ke luar negara;
- untuk mengendali premis kami dalam suatu cara yang selamat secara fizikal, terjamin dan bersesuaian dengan keperluan-keperluan kesihatan dan keselamatan;
- untuk siasatan dalaman, audit atau tujuan-tujuan keselamatan, statistik analisis;
- untuk melakukan analisis pemasaran dalaman dan analisis corak dan pilihan pelanggan;

- untuk mematuhi obligasi-obligasi undang-undang dan kawal selia Kobay dalam pengurusan perniagaannya;
- untuk menghubungi anda berkenaan produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan, acara-acara akan datang, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan-bahan komersial kami;
- untuk memastikan kandungan laman web kami ditunjukkan dalam cara yang paling berkesan untuk anda dan komputer dan/atau peranti anda;
- untuk melindungi terhadap atau mengenalpasti transaksi palsu;
- untuk membuat tawaran dan memberi maklumat mengenai perkhidmatan kami yang dibenarkan disisi undang-undang;
- untuk membuat dan memberi promosi pemasaran sesuai untuk pelanggan kami;
- untuk membuat makluman dan kajian mengenai perkhidmatan yang diinginkan;
- untuk membantu pengurusan kewangan dan pemasaran yang diperlukan dalam urusan perniagaan dan aktiviti perniagaan lain berkaitan termasuk kawalan kredit;
- untuk pengurusan risiko;
- untuk pengurusan rekod dalaman Kobay, acara dan aktiviti hubungan pelanggan atau program; dan
- lain-lain tujuan berkenaan dengan perkara yang disebut di atas.

#### **2.2.2 Penjual, pembekal, penyewa atau penyedia perkhidmatan:**

Maklumat peribadi anda dikumpul dan diproses selanjutnya oleh Kobay seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang dan untuk melaksanakan transaksi komersial yang diminta, termasuk yang berikut:

- untuk memproses pemohonan akaun kredit anda;
- untuk menilai kebolehpercayaan kredit anda;
- untuk mentadbir dan memberi kesan kepada transaksi komersial anda (pemberian tender, kontrak untuk perkhidmatan, perjanjian penyewaan);
- untuk memproses sebarang bayaran yang berkaitan dengan transaksi komersial anda;
- untuk tujuan-tujuan insurans;
- untuk siasatan dalaman, audit atau tujuan-tujuan keselamatan;
- untuk mematuhi obligasi-obligasi undang-undang dan kawal selia Kobay dalam pengendalian perniagaannya;
- untuk menghubungi anda berkenaan produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan, acara-acara akan datang, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan-bahan komersial yang kami rasa dapat menarik minat anda;
- untuk memastikan kandungan laman web kami ditunjukkan dalam cara yang paling berkesan untuk anda dan komputer dan/atau peranti anda; dan

- untuk pengurusan rekod dalaman Kobay, acara dan aktiviti hubungan pelanggan dan program ganjaran kesetiaan pelanggan.

### **3. Penzahiran maklumat peribadi**

#### **3.1 Entiti-entiti dalam Kumpulan Kobay**

Kobay akan memastikan bahawa maklumat peribadi anda yang dibekalkan kepada entiti-entiti (dalam atau luar Malaysia) dalam Kumpulan Kobay (termasuk rakan-rakan kongsi khidmat luaran) untuk penggunaan berikut:

- (i) akses ke maklumat peribadi anda terhad kepada kakitangan-kakitangan yang diperlukan untuk memproses maklumat peribadi anda mengikut keperluan-keperluan tugas mereka masing-masing; dan
- (ii) hanya maklumat yang diperlukan dizahirkan kepada pekerja-pekerja berkenaan.

#### **3.2 Pihak-pihak ketiga yang berkaitan dengan Kumpulan Kobay**

Maklumat peribadi anda mungkin dizahirkan kepada pihak-pihak ketiga yang berkaitan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia) seperti yang diperlukan di bawah undang-undang, menurut hubungan kontrak yang berkenaan (sebagai contoh, kami melantik pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga) atau bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 di atas (atau secara langsung berkaitan dengan tujuan-tujuan tersebut).

Dalam keadaan suatu penjualan perniagaan, pelupusan, perolehan, penggabungan atau penyusunan semula yang berpotensi, dirancang atau sebenar (“Transaksi”), maklumat peribadi anda mungkin diperlukan untuk didedahkan atau dipindah kepada suatu pihak ketiga sebagai akibat Transaksi tersebut. Anda di sini mengaku bahawa pendedahan dan pemindahan sebegitu boleh berlaku dan membenarkan Kobay untuk menzahirkan maklumat peribadi anda kepada pihak-pihak yang lain dan penasihat-penasihat/wakil-wakilnya.

##### **3.2.1 Pekerja/pelanggan atau bakal pekerja/pelanggan:**

Maklumat peribadi anda boleh didedahkan kepada kelas pihak-pihak ketiga di bawah:

- Pihak-pihak ketiga yang kami lantik untuk membekalkan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam-peguam, setiausaha-setiausaha syarikat, perunding, kontraktor, penasihat-penasihat profesional, pembekal perkhidmatan, syarikat-syarikat percetakan, kontraktor, pengajur-pengajur persidangan/latihan/acara, penasihat-penasihat lain, dan syarikat-syarikat insurans);

- Rakan-rakan niaga atau afiliasi kami yang mungkin turut serta membekalkan perkhidmatan yang anda minta (pihak ketiga seperti hotel atau resort atau penyewa medan beli-belah)
- Syarikat-syarikat utiliti;
- Syarikat-syarikat pengurusan harta tanah untuk pengurusan harta tanah yang dibeli;
- Kedutaan-kedutaan asing (termasuk agensi-agensi yang dilantik oleh kedutaan-kedutaan asing untuk menjalankan perkhidmatan mereka) sekiranya Kobay membantu anda dalam pemohonan visa anda sebagai sebahagian daripada perkhidmatan-perkhidmatan pelancongan yang anda minta;
- Agensi-agensi penguatkuasa undang-undang termasuk polis tempatan; dan
- Pihak berkuasa kerajaan, pihak berkuasa berkanun, majlis tempatan dan pengawal selia industri yang berkaitan.

### 3.2.2 Penjual, pembekal, penyewa atau penyedia perkhidmatan:

Maklumat peribadi anda boleh didedahkan kepada kelas pihak-pihak ketiga di bawah:

- Pihak-pihak ketiga yang kami lantik untuk membekalkan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam-peguam, setiausaha-setiausaha syarikat, syarikat-syarikat percetakan, kontraktor, pengajur-pengajur persidangan/acara, penasihat-penasihat lain, agensi-agensi pelancongan dan syarikat-syarikat insurans) dengan syarat mereka mematuhi hak-hak privasi dan peruntukan Akta;
- Agensi-agensi penguatkuasa undang-undang, termasuk polis tempatan; dan
- Pihak berkuasa kerajaan, pihak berkuasa berkanun, majlis tempatan dan pengawal selia industri yang berkaitan.

## 4) Laman Web

### 4.1 Pautan ke laman-laman web yang lain

Pautan ke laman-laman web yang lain dibekalkan bagi kemudahan dan maklumat anda. Laman-laman web ini mungkin mempunyai kenyataan privasi mereka sendiri, yang kami cadangkan anda menyemak sekiranya anda melawat mana-mana laman web pautan tersebut. Kami tidak bertanggungjawab bagi kandungan dalam pautan laman-laman web atau sebarang penggunaan laman-laman web tersebut.

### 4.2 Produk-produk atau aplikasi-aplikasi mengesan lokasi

Produk-produk atau aplikasi-aplikasi mengesan lokasi menyampaikan maklumat lokasi anda kepada kami. Kami tidak menggunakan maklumat yang dihantar atau dibekalkan selain daripada untuk membekalkan

perkhidmatan yang anda minta. Fungsi pengesanan lokasi adalah pilih masuk dan anda mempunyai kawalan atas penyertaan anda dan boleh menutup perkhidmatan-perkhidmatan sebegitu pada bila-bila masa atau menyahpasangkannya.

Sesetengah aplikasi mudah alih akan menggunakan Google Analytics (atau alat yang serupa) untuk membantu kami melayan anda dengan lebih baik melalui produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diperbaik dan semakan-semakan terhadap aplikasi mudah alih. Maklumat yang terkumpul ini tidak akan mengenalpastikan anda kepada kami. Walau bagaimanapun, ia mungkin membolehkan kami mengetahui anda secara sulit tentang perkhidmatan-perkhidmatan dan fungsi-fungsi yang paling kerap anda gunakan dalam aplikasi tersebut dan juga jenis peranti dan fungsi-fungsi perkakasan, negara dan bahasa muat turun.

#### **4.3 Cookies**

Suatu cookie mungkin boleh digunakan dalam pemprosesan maklumat anda. Suatu cookie ialah fail teks yang ditempatkan di dalam ingatan komputer dan/atau peranti anda oleh komputer-komputer kami. Suatu salinan fail teks dihantar oleh komputer dan/atau peranti anda apabila ia berkomunikasi dengan pelayan kami. Kami menggunakan cookies untuk mengenal pasti anda. Kami juga mungkin mengumpul maklumat berikut semasa anda melawat laman web dan/atau nama domain berkelayakan penuh yang anda berasal untuk mengakses laman web kami, atau secara alternatif, alamat IP anda:

- (i) tarikh dan masa anda mengakses setiap mukasurat dalam laman web kami;
- (ii) URL bagi sebarang laman web yang anda berasal untuk mengakses laman web kami (perujuk tersebut); dan
- (iii) pelayar web yang anda tengah guna dan laman-laman web yang telah anda akses.

Sesetengah laman web mungkin memerlukan anda untuk membekalkan sebilangan maklumat peribadi yang terhad untuk menikmati sesetengah perkhidmatan atas laman web kami (wasikah log masuk sistem, alamat e-mel dan perhubungan, dsb). Maklumat peribadi ini hanya akan digunakan untuk tujuan-tujuan yang dikehendaki sahaja, seperti untuk membalaik mesej anda atau menghantar perkhidmatan-perkhidmatan yang diminta.

#### **5) Hak untuk mengakses dan meminda maklumat peribadi**

Anda mempunyai hak untuk mengakses dan meminda maklumat peribadi anda yang kami pegang (tertakhluk selalunya kepada beberapa pengecualian yang tertentu). Kami akan melakukan sedaya usaha untuk

memastikan maklumat peribadi anda adalah tepat dan terkini dan justeru kami meminta agar anda terus memaklumi kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat anda. Jika anda ingin mengakses atau meminda maklumat peribadi anda, sila rujuk kepada saluran perhubungan dalam Item 6 di bawah.

## **6) Pengehadan pemprosesan maklumat peribadi, pertanyaan lanjut dan aduan**

Sekiranya:

- (i) anda ingin memperoleh maklumat lanjut tentang cara untuk mengehadkan pemprosesan maklumat peribadi anda;
- (ii) anda ingin membuat pembetulan atau mengemaskini maklumat peribadi anda;
- (iii) anda mempunyai pertanyaan lanjut; atau
- (iv) anda ingin membuat suatu aduan berkenaan dengan maklumat peribadi anda,

Anda boleh menghubungi:-

Untuk Bahagian Pengilangan  
Corporate Affairs Department

Tel.: 604-3711350

Fax : 604-2261363

atau email to :-

[publicrelation@kobaytech.com](mailto:publicrelation@kobaytech.com)

Untuk Bahagian Hartanah  
Sales & Marketing Department

Tel.: 604- 2917888

Fax : 604- 3711341

atau email to :-

[salesmarketing\\_kg@kobaytech.com](mailto:salesmarketing_kg@kobaytech.com)

## **7) Keselamatan Maklumat Peribadi**

Perlindungan maklumat peribadi anda amat penting bagi kami. Kumpulan Kobay mengambil langkah-langkah praktikal untuk melindungi data peribadi daripada sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses tanpa kebenaran atau tidak sengaja atau pendedahan, pengubahan atau pemusnahan. Semua pendedahan maklumat peribadi anda yang dibenarkan kepada ejen kami atau Pengantara Takaful yang sah, kami telah dan akan pastikan mereka melindungi data peribadi tersebut dengan sewajarnya.

## **8) Penyimpanan Data Peribadi**

Data peribadi anda tidak akan disimpan lebih daripada tempoh yang diperlukan bagi memenuhi tujuan data dikumpulkan kecuali penyimpanan itu diperlukan untuk tujuan operasi, audit, undang-undang, kawal selia, cukai atau perakaunan. Kami akan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan data tersebut dilupuskan atau dipadam secara kekal.

Walau bagaimanapun, data peribadi boleh disimpan untuk tempoh yang lebih lama jika pengumpulan itu perlu bagi maksud yang berikut:

- prosiding undang-undang atau penyiasatan pihak kawal selia atau siasatan yang sama atau kewajipan untuk menghasilkan maklumat tersebut;
- suatu jenayah atau salah laku yang disyaki atau dikesan;
- maklumat yang berkaitan dengan syarikat dalam pembubaran atau penerimaan, di mana hutang yang disebabkan oleh penginsurans/; atau
- maklumat dianggap mempunyai kepentingan potensi sejarah, termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan yang diterangkan di atas.

## **9) Konflik**

Dalam keadaan berlakunya sebarang konflik antara Notis Privasi Dan Perlindungan Data Peribadi ini dalam Bahasa Inggeris dengan Notis Privasi Dan Perlindungan Data Peribadi ini dalam Bahasa Malaysia yang sepadan dengannya, terma-terma Notis dalam Bahasa Inggeris akan digunakan.

Notis Privasi Dan Perlindungan Data Peribadi ini mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Notis yang dipinda akan dipaparkan di laman web Kobay dan/atau dengan apa-apa cara komunikasi yang lain yang dianggap sesuai oleh Kobay.

Dengan membekalkan data peribadi anda kepada kami, anda dengan ini, membenarkan pemprosesan data peribadi anda selaras dengan segala yang dinyatakan di atas.